

Tun Mahathir kebanggaan Malaysia

BT - 2/8/2005

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad bukan sekadar ahli politik dan negarawan tetapi personaliti bermartabat yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed.

Berucap merasmikan persidangan antarabangsa mengenai pemikiran Dr Mahathir, Mustapa berkata, bekas Perdana Menteri itu disanjung kerana integriti dan dedikasinya kepada usaha memartabatkan negara.

Pada masa sama katanya, Dr Mahathir juga dihormati kerana keberaniannya mencuba sesuatu yang baru dan kekentalan semangatnya. Saya amat berbangga kerana berkongsi pengalaman dengan beliau sebagai menteri Kabinet.

"Saya juga bernasib baik kerana dapat mempelajari banyak perkara daripada beliau. Pencapaian Tun Dr Mahathir, bagi diri saya akan terus terpahat dalam sejarah Malaysia," katanya.

Persidangan tiga hari bertajuk "Tun Dr Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan Dalam Abad Ke-21" itu anjuran bersama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Yayasan Kepimpinan Perdana, Biro Tatanegara, dan Arkib Negara.

Hadir sama, Naib Canselor UUM, Datuk Dr Nordin Kardi dan Pengarah IPDM, Prof Madya Dr Mustapa Kasim.

Mustapa berkata, pemikiran Dr Mahathir bukan saja mengubah Malaysia kepada negara moden dan progresif tetapi masih dianggap penting sehinggakan kerajaan melantik beliau sebagai penasihat Petronas dan Proton.